# JABATAN TIMBALAN NAIB CANSELOR (HEP)
# UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Rujukan Kami : UTM.J.06.01.00/10.12/22 Jld. 2 (40)
Tarikh : 16 Disember 2019

## PEKELILING PELAJAR BIL. 7/2019

## PENGUATKUASAAN PERATURAN BERPAKAIAN PELAJAR DAN PENGUATKUASAAN PEMAKAIAN KAD MATRIK SEMASA PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER I, SESI 2019/2020

Semua Pelajar Universiti Teknologi Malaysia,

Selamat menduduki peperiksaan akhir Semester I, Sesi 2019/2020!

2. Saudara/i adalah **DIINGATKAN** untuk mematuhi peraturan **Tatacara Berpakaian Pelajar** sepanjang menduduki peperiksaan akhir Semester I, Sesi 2019/2020.

3. Pihak Universiti secara berterusan akan menguatkuasakan peraturan **Tatacara Berpakaian Pelajar** dan semua pelajar **DIWAJIBKAN MEMAKAI KAD MATRIK** sepanjang menduduki peperiksaan akhir Semester I, Sesi 2019/2020. Kad Matrik Pelajar mestilah **DIPAKAI** dan **DIPAMERKAN** di bahagian hadapan paras dada.

4. Sehubungan dengan itu, semua pelajar adalah **diwajibkan** untuk terus mematuhi peraturan berpakaian tersebut dan adalah diingatkan bahawa mana-mana pelajar yang tidak mematuhinya akan menyebabkan beberapa tindakan boleh diambil terhadap saudara/i seperti berikut :-

**(i) Diberi teguran secara lisan atau bertulis;**
**(ii) Tidak dibenarkan masuk ke dalam dewan peperiksaan; dan**
**(iii) Aduan kepada pihak Hal Ehwal Pelajar untuk tindakan selanjutnya.**

5. Pihak Universiti sekali lagi menegaskan bahawa semua pelajar adalah tertakluk kepada semua peraturan Universiti yang sedang berkuatkuasa dan tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan jika saudara/i melanggar peraturan tersebut.

Sekian, terima kasih.

**"Berkhidmat untuk Negara kerana Allah"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(PROF. DR. DURRISHAH BINTI IDRUS)**
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
Pengerusi
Jawatankuasa Tatatertib Pelajar
b.p. : Naib Canselor
Universiti Teknologi Malaysia

s.k. - YBhg. Datuk Naib Canselor
- YBhg. Datuk Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
- Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
- Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
- Pro-Naib Canselor (Kampus UTM Kuala Lumpur)
- Dekan-Dekan Fakulti